

## Saifuddin nafi terima tiga surat

KUALA LUMPUR- Pemimpin Parti Keadilan Rakyat (PKR) dilihat saling bercanggah dalam isu pendirian 'surat Zuraida'.

Terbaharu, Setiausaha Agung PKR, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail mengesahkan bahawa parti itu hanya menerima sepucuk surat daripada Naib Presidennya, Zuraida Kamaruddin dan bukan tiga pucuk surat seperti didakwa Zuraida.

"Saya cuma nak sebut tentang surat. Surat yang dikirim satu dan itu telah dijawab dan dihantar guna serahan tangan," katanya pada sidang akhbar selepas majlis penutup Karnival I-Keep di sini semalam.

Zuraida sebelum ini mendedahkan permintaan mereka yang tidak dilayan. Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim merupakan antara punca beliau dan beberapa pimpinan lain tidak menghadiri mesyuarat parti.

**ISU SURAT ZURAIDA**

Menurut Zuraida, sebanyak tiga pucuk surat telah dihantar kepada Anwar untuk membolehkan beliau dan beberapa pemimpin lain bertemu tetapi permintaan itu tidak mendapat maklum balas yang diharapkan.

Menurut Zuraida, surat itu dihantar ke pejabat Presiden dan hanya surat pertama dijawab yang menyatakan Anwar ke Makkah.

Ahli Parlimen Ampang itu berkata, mereka kemudian menghantar surat kedua, disusuli surat ketiga pada Isnin lepas tetapi sehingga kini kedua-dua surat berkenaan tidak mendapat maklum balas.

Sementara itu, berbeza daripada kenyataan Zuraida, Anwar berkata, pihaknya sudah membalas satu daripada tiga surat yang dikirimkan Naib Presiden parti berkenaan, manakala dua surat yang lain akan dibalas oleh Saifuddin.

HARI : SELASA  
TARIKH : 3/9/2019  
M/SURAT : 11